

28/11/1998

Kekal perpaduan antara penganut pelbagai agama

KOTA KINABALU, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berpesan agar kegiatan agama dapat dijalankan dalam suasana sederhana bagi memastikan keamanan dan keharmonian dalam negara berterusan.

Menurut Perdana Menteri, perpaduan antara semua kaum dan penganut pelbagai agama yang dikecapi rakyat negara ini sekarang, perlu terus dinikmati oleh generasi akan datang.

Pesanan itu disampaikan beliau dalam pertemuan selama kira-kira sejam dengan 21 ketua agama di Sabah, di sini petang ini.

Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS), Datuk Jamdin Buyong, ketika ditemui selepas pertemuan itu berkata, Perdana Menteri mahu semua ketua agama menjalin kerjasama untuk memastikan semangat toleransi antara agama berkekalan seterusnya menyumbang kepada pembangunan negara dan rakyat.

Menurut Jamdin, semua ketua dan pertubuhan agama di negeri ini menyambut baik dan begitu menghargai pesanan yang disampaikan Dr Mahathir.

"Pesanan itu akan dipatuhi sebagaimana amalan kami pada masa lalu iaitu menjalankan dakwah Islamiah dalam suasana muhibah dan persefahaman dengan agama lain," katanya.

Turut hadir ialah Ketua Menteri, Tan Sri Bernard Dompok serta dua timbalannya, Datuk Osu Sukam dan Datuk Tham Nyip Shen.

Jamdin berkata, JHEAINS juga berjanji kepada Dr Mahathir untuk memantau dan sentiasa memastikan masjid di negeri ini tidak disalahgunakan untuk tujuan politik atau sebarang kegiatan yang boleh mencemar kesucian rumah ibadat itu.

Presiden Majlis Gereja Sabah, Datuk Yong Ping Chung, berkata nasihat Dr Mahathir begitu positif kerana ia membolehkan semua pertubuhan agama di Sabah dan negara ini dapat bekerjasama untuk membangun serta memajukan negara.

Menurutnya, Dr Mahathir mahu amalan toleransi yang diamalkan sekarang dapat terus diamalkan dan tidak dicemari dengan perbuatan yang boleh menjejaskan keharmonian masyarakat.

Beliau berkata, pihaknya turut membangkitkan tentang iltizam bersungguh-sungguh kerajaan negeri sekarang untuk memastikan pegangan agama yang kukuh menjadi asas pembentukan masyarakat.

Katanya, ia dibuktikan melalui pemberian geran kepada pertubuhan agama bukan Islam untuk menjalankan pelbagai aktiviti keagamaan di negeri ini.

Menurut beliau, pihaknya menyanjung tinggi wawasan Dr Mahathir untuk mewujudkan masyarakat maju dan bermoral menjelang 2020.

(END)